



KORBAN... Tengku Adnan menyerahkan daging korban kepada anak yatim di Putrajaya, semalam.

Banjir besar jejaskan pelancong

PUTRAJAYA: Kejadian banjir besar yang melanda empat negeri meliputi Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang ketika ini mengakibatkan industri pelancongan negara terjejas berikutan sistem perhubungan, khususnya pengangkutan darat di negeri terbabit mengalami kerosakan akibat banjir.

Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, pada peringkat awal kerajaan meletakkan sasaran lebih 17.5 juta pelancong datang melawat Malaysia, sepanjang tahun ini.

Bagaimanapun, sasaran itu mungkin tidak tercapai berikutan kejadian banjir besar melanda beberapa negeri terutama membabitkan empat negeri berkenaan sejak lebih seminggu lalu.

“Kejadian banjir bukan saja menyebabkan banyak kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa mereka yang tidak berdosa, malah

mengakibatkan sistem perhubungan terutama pengangkutan darat terjejas teruk.

“Saya dimaklumkan banjir besar terutama di Johor memang menjejaskan kehadiran pelancong asing khususnya mereka yang memasuki negara ini melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, di Singapura dan Pulau Batam di Indonesia,” katanya kepada pemberita selepas menyerahkan sumbangan 66 ekor lembu dan lima ekor kambing untuk dikorbankan sempena sambutan Aidiladha peringkat Parlimen Putrajaya di Presint 9, dekat sini, semalam.

Sehubungan itu, beliau berharap banjir akan surut secepat mungkin dan berdoa supaya bencana alam seperti seperti banjir besar tidak akan menimpa negara pada masa depan khususnya sepanjang kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM'07).